

5

SIAPAKAH DAN APAKAH PERANAN INTELEKTUAL?

Azizan Bahari

PENDAHULUAN

Siapakah intelektual dan apakah peranan intelektual dalam masyarakat? Walaupun telah lama diperkatakan, persoalan ini tetap merupakan suatu yang merentasi zaman. Penulisan daripada Pramoedya Ananta Toer menyentuh tentang perkara yang serupa. Begitu juga dengan buku *Representations of Intellectuals*, buku kecil yang mengandungi siri kuliah yang sangat menarik oleh Edward Said (1935-2003), intelektual Palestin dan mantan Profesor bahasa Inggeris dan perbandingan sastera di Columbia University (New York), dan seterusnya, seterusnya..., sehinggalah kami (bersama-sama Wan Abdul Manan Wan Muda, Haris Jadi, Mohd. Asri Abdul, dan rakan-rakan yang lain) mengusahakan satu persidangan kebangsaan - Universiti dan Tradisi Intelektual - di Petaling Jaya, pada 1996 (yang dinyatakan dalam sebuah catatan lain).

PERANAN INTELEKTUAL

Dalam beberapa tulisan dan wacana termasuk jawapan kepada soalan siapakah intelektual dan apakah peranan intelektual dapat disimpulkan, intelektual seorang yang mempunyai daya fikir, kefahaman, dan kemampuan berhujah yang tinggi dan menggunakan semua keupayaan ini untuk menyumbang kepada kepentingan yang lebih luas.

Walau bagaimanapun, di sini harus difahami bahawa golongan intelektual atau cendekiawan bukan suatu golongan manusia yang homogen (sama).

Terdapat beberapa tipologi tentang intelektual. Di sini, saya merumuskan dan menengahkan satu tipologi yang membahagikan kaum intelektual kepada tiga jenis (kategori) umum mengikut sikap/pendirian dan tujuan kerja intelektual mereka, iaitu:

- a) Intelektual establishment.
- b) Intelektual 'atas pagar' (oportunis).
- c) Intelektual awam.

Siapakah *establishment*? Ringkasnya, dalam kebanyakan masyarakat di dunia, *establishment* diwakili oleh golongan elit seperti pemodal besar, birokrat atasan, pimpinan politik, ketua tentera dan sebagainya. *Establishment* ialah pihak yang kuat, berpengaruh dan berkuasa – secara *de facto* dan *de jure* dalam apa-apa jua sistem politik (kapitalis, sosialis, dan sebagainya) yang beroperasi dalam sesebuah negara. Dalam banyak hal, mereka menentukan atau mempengaruhi ekonomi, undang-undang, dasar sosial, perancangan dan pentadbiran negara.

Intelektual *establishment* menggunakan ilmu pengetahuan dan daya intelektualnya untuk membantu/menyokong dan mempertahankan gagasan, sistem, dasar dan agenda golongan-golongan yang kuat, berpengaruh dan berkuasa dalam masyarakat. Intelektual *establishment* merupakan golongan yang menjana idea baharu, mengadaptasi idea lama dengan keadaan semasa, melakukan analisis, hujah dan rasional yang kebanyakannya mewajarkan atau memihak kepada kepentingan dan kedudukan *establishment*. Peranan mereka ini penting bagi mengukuhkan (mengkonsolidasi) sistem dan institusi-institusi berkaitan, khususnya daripada perspektif ideologi. Jika hal-hal berhubung ekonomi, pembangunan dan politik diuruskan oleh pihak-pihak lain (seperti pemodal, pengusaha, birokrat, pengurusan tertinggi, teknokrat, pemimpin politik) maka peranan dalam aspek ideologi terpikul di bahu kaum intelektual ini.

Bagi golongan intelektual ini, tiada masalah fundamental dalam sistem yang sedia ada. Struktur sosial, struktur kuasa, persaingan, pemilikan sumber-sumber kekayaan negara, pemonopolian dan pengagihan kuasa, hubungan kuasa, peminggiran dan keciciran golongan yang lemah dan sebagainya itu dilihat sebagai hal-hal biasa dan diterima sebagai "given".